



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**MARA UNIVERSITY OF TECHNOLOGY
SAMARAHAN CAMPUS
SARAWAK**

**FACULTY OF ADMINISTRATION SCIENCE
AND POLICY STUDIES**

DIPLOMA IN PUBLIC ADMINISTRATION

**“KAJIAN MENGENAI PENGETAHUAN
MASYARAKAT BERKAITAN AEDES DAN DENGGI”**

Prepared By:-

| | |
|-------------------------------------|-------------------|
| Ramzi bin Spawi | 2001611066 |
| Teresa Senai ak Richard Tuah | 2001611272 |
| Jacinta ak Bonet | 2001621083 |
| Hajarin ak Nyodi | 2001621012 |

PENGHARGAAN (ACKNOWLEDGEMENT)

Kertas kerja kami sepatutnya bermula lebih awal mengikut apa yang telah dirancangkan. Disebabkan ada masalah yang tidak dapat dielakkan maka kami telah memulakan tugas kami pada Oktober 2006. Memandangkan kumpulan kami terdiri daripada dua orang dari Bintulu dan dua lagi dari Kuching maka banyak masalah yang kami tempuh.

Di dalam kertas kerja ini, kami telah membuatnya di dalam bahasa Melayu dan bukannya bahasa Inggeris seperti yang dikehendaki disebabkan kami telah membuat kertas cadangan kami di dalam bahasa Melayu dan tidak ditegah oleh Pensyarah. Kami cuma mengetahui penggunaan bahasa Inggeris diwajibkan selepas kertas kerja ini disiapkan hampir 80%.

Oleh itu kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pensyarah yang mengajar matapelajaran ini iaitu En. Kuldip Singh kerana memberi kami peluang untuk meneruskan kertas kerja ini. Kami telah menghantar kertas kerja ini beberapa kali untuk disemak dan masih terlalu banyak kesilapan yang perlu diubah.

Selain daripada itu kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kertas kerja ini. Tanpa mereka kemungkinan kertas kerja ini sukar untuk disiapkan. Kami telah mempelajari banyak pengetahuan dan pengalaman baru yang tidak ternilai daripada kertas kerja ini. Walaupun kertas kerja ini tidak dirancang

Abstrak

Walaupun pelbagai kempen tentang kehidupan sihat telah dibuat ia tidak menampakkan tahap yang boleh dibanggakan, mungkin juga kempen tersebut tidak sampai ke sasaran atau terdapat golongan masyarakat yang tidak mengetahui kempen serta maklumat berkaitan sesuatu wabak tersebut.

Seperti yang diketahui, penyakit denggi adalah suatu penyakit berjangkit yang merbahaya yang boleh membawa maut kerana sehingga kini belum ada ubat untuk mengubati penyakit ini. Denggi biasa terjadi di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak akibat dari gigitan nyamuk Aedes. Penyakit ini biasanya berlangsung selama 10 hari dan kadang-kadang memerlukan masa yang lama untuk sembuh sepenuhnya. Penyakit denggi kerap berlaku di kawasan bandar jika dibandingkan dengan luar bandar. Oleh itu kajian kami ini akan meliputi sejauh manakah pengetahuan masyarakat terhadap penyakit ini dan bagaimanakah cara untuk menanganinya.

Justeru, fokus kajiselidik akan dibuat dipersekitaran masyarakat setempat dimana ahli-ahli kumpulan tinggal atau bertugas. Kami akan mengagihkan kertas soal selidik di kawasan luar bandar dan bandar. Selain daripada itu juga kami akan membuat temubual bersama orang-orang tertentu untuk tujuan ini.

Tajuk berikut telah dipilih oleh penyelidik :-

Kandungan

Muka Surat

Bab I

| | | |
|-----|---|---------|
| 1.1 | Pengenalan | 1 - 4 |
| 1.2 | Masalah kenyataan (Problem Statement) | 5 - 6 |
| 1.3 | Objektif Kajian (Research Objective) | 7 - 8 |
| 1.4 | Skop kajian (Scope of the Study) | 9 - 25 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian (Kepentingan Kajian) | 26 - 29 |

Bab II

Ulasan Kepustakaan (Literature Review)

| | | |
|-----|----------------------------------|---------|
| 2.0 | Pengenalan | 30 - 32 |
| 2.1 | Kadar Insiden Denggi Di Malaysia | 33 – 37 |

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Dalam bahasa Inggeris, nyamuk dikenali sebagai "**Mosquito**", iaitu dari perkataan dalam bahasa Sepanyol atau bahasa Portugis yang bererti lalat kecil. Penggunaan perkataan Mosquito bermula sejak tahun 1583. Di England nyamuk dikenali sebagai (**gnats**).

Nyamuk adalah serangga tergolong dalam **order Diptera; genera** termasuk **Anopheles, Culex, Psorophora, Ochlerotatus, Aedes, Sabethes, Wyeomyia, Culiseta**, dan **Haemagogus** untuk jumlah keseluruhan sekitar 35 genera yang merangkumi 2700 spesies. Nyamuk mempunyai dua kepak bersisik (**scaled wings**), (**halteres**), tubuh yang langsing, dan enam kaki panjang; bersaiz berbeza-beza tetapi jarang sekali melebihi 15mm.